

**TALKING POINT**  
**BRIG. JENERAL DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN**  
**DAN SUKAN 2013**  
**PADA 7 APRIL 2014 DI**  
**AUDITORIUM, PERPUSTAKAAN TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA,**  
**KAMPUS UniMAP PAUH PUTRA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

**Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP**

**SALUTASI**

**Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal**, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

**Yang Berbahagia Prof. Dr. Abdul Hamid Adom**, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP,

**Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan**, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UniMAP

**Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad**, Pendaftar UniMAP,

**Yang Berusaha Puan Saodah Hassan**, Bendahari UniMAP,

**Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir**, Pemangku Pustakawan UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, Professor-profesoor.

Para penyelidik UniMAP, Pengurus-pengurus pasukan dan barisan atlit-atlit Universiti Malaysia Perlis

Seterusnya hadirin dan hadirat yang diraikan sekalian.

### **KATA ALU-ALUAN**

1. Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya dapat kita bersama dalam Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Penyelidikan dan Sukan 2013 UniMAP di petang yang berbahagia ini bagi mengiktiraf dan menzahirkan penghargaan atas segala pengorbanan yang telah dicurahkan para penyelidik dan atlit yang telah mengharumkan nama UniMAP sepanjang tahun 2013 yang lalu.
2. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua penerima anugerah dan tidak dilupakan juga setinggi-tinggi terima kasih kepada barisan jawatankuasa pelaksana yang bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran majlis petang ini. Tanpa usaha gigih mereka, pasti kita tidak dapat meraikan majlis segemilang ini.
3. Untuk makluman Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Penyelidikan dan Sukan 2013 merupakan kesinambungan Majlis Anugerah Seri Gemilang UniMAP yang telah kita adakan pada 20 Mac yang lalu. Penganjuran majlis kedua ini bukanlah bermakna kita merendahkan kejayaan anda semua, tetapi disebabkankekangan masa dan bilangan penerima anugerah yang semakin bertambah, maka perlu untuk kita mewujudkan fasa kedua penerima anugerah. Saya secara

peribadi amat menghargai pencapaian anda semua kerana ia turut memainkan peranan dalam menaikkan nama UniMAP.

### **PENYELIDIKAN – QS STARS, SCOPUS DAN RESEARCH GATE**

4. Seperti yang anda semua sedia maklum, UniMAP memiliki “ROADMAP” tersendiri untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang penyelidikan dan inovasi.
5. Dan hasil usaha gigih sepanjang TUJUH TAHUN KEWUJUDAN UniMAP – saya dengan bangganya ingin mengumumkan bahawa kita (UniMAP) telah diberikan pengiktirafan 3 bintang oleh QS Stars. Jika dilihat pada definisi 3 bintang ini – ianya merujuk kepada sesebuah institusi pengajian tinggi yang mempunyai sejarah penubuhan yang panjang iaitu melebihi 20 tahun dengan rangkaian kerjasama yang hebat di persada dunia.
6. Secara lojiknya, UniMAP yang baru berusia tujuh tahun penubuhannya (Dengan tidak mengambilkira tempoh kewujudan KUKUM) kita tidak mungkin mencapai tahap ini sekiranya kita tidak benar-benar hebat dan layak. Justeru, saya amat bersyukur dan berbangga dengan pencapaian ini dan hadirin sekalian juga sewajarnya merasakan yang sama.
7. Namun, kita tidak sewajarnya merasa alpa dengan pengiktirafan ini, sebaliknya saya melihat terdapat lebih banyak ruang penambahbaikan dalam bidang Penyelidikan dan Inovasi. Dan berdasarkan kepada indicator-indikator yang telah ditetapkan, kita di UniMAP perlu meningkatkan keterlihatan dalam 4 teras utama :
  - a. Reputasi Akademik

- b. Bilangan sitasi (penerbitan) berbanding dengan bilangan penerbitan
  - c. Bilangan penerbitan berbanding bilangan staf akademik/penyelidik
  - d. Bilangan staf akademik yang memperolehi pengiktirafan antarabangsa.
8. Justeru adalah penting untuk UniMAP kini merangka strategi dan inisiatif berkesan khusus untuk menyerlahkan lagi keterlihatan UniMAP di persada dunia. Saya ingin menyeru kepada semua penyelidik dan ahli akademik, untuk menghasilkan lebih banyak penerbitan dalam bidang-bidang terkini agar dapat meningkatkan sitasi dari pihak-pihak luar.
9. Dalam konteks ini kita perlu melihat semula penglibatan masing-masing dalam laman-laman sosial sebagaimana yang saya sering tekankan sebelum ini, penglibatan penyelidik UniMAP dalam Scopus, Googlescholar dan Web of Science perlulah ditingkatkan. Hasilkan lebih banyak jurnal dan penerbitan yang berimpak tinggi di dalam pengkalan data yang berkaitan dengan bidang masing-masing dan ini saya yakin mampu melonjakkan lagi nama UniMAP dalam bidang penyelidikan.
10. Saya juga mengharapkan warga penyelidik dan akademik UniMAP mempunyai wawasan kearah mencapai “Nobel Prize” dan juga pengiktirafan di peringkat dunia. Ingin saya maklumkan di sini, daripada sejumlah 530 pengiktirafan yang diterima oleh staf akademik UniMAP selama ini, hanya dua yang diiktiraf oleh QS Star iaitu – pengiktirafan saya sendiri dan Prof Uda Hashim semasa ISEAS.
11. Yang terkini, saya juga ingin menyeru warga Penyelidik untuk meningkatkan bilangan penerbitan masing-masing dalam Research Gate (RG) yang mana ia merupakan satu medium terkini untuk para

penyelidik menaikkan ranking RG Score untuk diri sendiri, Jabatan, Pusat Pengajian seterusnya untuk UniMAP keseluruhannya.

12. Sehingga Jumaat lalu, UniMAP memiliki ahli dalam RG seramai 729 dengan markah keseluruhan sebanyak 1,956.53. Namun dari segi total impact points kita masih berada di tahap yang agak rendah dengan 124.45 mata.

13. Jika dibandingkan dengan universiti lain, kedudukan kita kini :

Jika berdasarkan RG Score

- No. 7 dari 20 dalam ranking IPTA
- No. 7 dari 220 dalam ranking IPTA?IPTS dan Agensi Penyelidikan di Malaysia.
- No. 355 dari 11,971 institusi di Asia
- No. 1731 dari 40,101 institusi di Dunia

Manakala Jika berdasarkan Total Impact Point

- No. 9 dari 20 IPTA in Malaysia Public University
- No. 22 dari 220 IPTA/IPTS dan Institusi Penyelidikan di Malaysia
- No. 2,297 dari 11,971 Institusi di Asia
- No. 8, 958 dari 40,101 Institusi di Dunia.

14. Kesimpulannya di sini, meskipun kedudukan kita dalam RG Score boleh dikatakan agak memuaskan, namun jika dinilai dari aspek Total Impact Point kita masih agak ketinggalan.

15. Penyelidikan dan Inovasi merupakan komponen kritikal yang akan membantu UniMAP mencapai hasrat tersebut dan ia memerlukan

komitmen dan kerjasama berterusan dari para akademia dan penyelidik. Atas dasar itu, saya sekali lagi ingin menyeru semua penyelidik untuk meningkatkan penglibatan masing-masing dalam semua medium penyelidikan untuk menyerlahkan lagi keterlihatan UniMAP di persada dunia. Perjalanan kita masih jauh dalam usaha mencapai status universiti bertaraf dunia.

## **KEJAYAAN SUKAN**

16. Dalam bidang sukan pula, UniMAP menempa kejayaan yang membanggakan bukan sahaja dalam kategori staf sebaliknya kategori pelajar turut menunjukkan peningkatan yang ketara. Misalnya, pada Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2014 yang dilangsungkan baru-baru ini UniMAP berjaya menempatkan diri di tangga keempat keseluruhan dengan pungutan 15 pingat emas, enam pingat perak dan lapan pingat gangsa.
17. Manakala bagi staf pula, kejayaan muncul juara SUKUM tahun lalu, mengungguli 3 tempat teratas SUKANUN dan menjuarai piala emas raja-raja serta mengungguli Kejohanan Golf IPTA antara bukti kejayaan UniMAP.
18. Saya amat mengharapkan barisan atlit-atlit UniMAP ini akan meneruskan usaha yang tidak berbelah bahagi pada semua Kejohanan Sukan yang disertai manakala kepada Pusat Sukan UniMAP, saya berharap agar penganjuran 4<sup>th</sup> World University Woodball Championship yang akan diadakan bulan Oktober nanti akan berjalan dengan lancar. InsyaAllah.

## PENUTUP

Hadirin dan hadirat sekalian,

19. Rasanya tidak perlu untuk saya bercakap panjang pada hari ini. Sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua penyelidik dan atlit yang telah berjaya meraih pelbagai kejayaan sekaligus mengharumkan nama UniMAP.
20. Akhir kata, sekali lagi saya menyeru kepada semua warga UniMAP untuk menggandakan lagi usaha bagi menghasilkan lebih banyak pencapaian di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

**“Jangan takut dan segan untuk setiap tindakan yang anda lakukan.  
Seluruh kehidupan kita adalah satu ujian tetapi kemahuan yang tinggi  
akan mengubah persepsi seseorang terhadap sesuatu sehingga yang  
mustahil pun boleh terjadi.”**

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.